



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN MEREKA BENTUK, MEMBUAT DAN MENGHANTAR PERABOT BERASASKAN ROTAN KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai kaedah perolehan untuk Kontrak Pusat Sistem Panel (**Kontrak Panel**) bagi mereka bentuk, membuat dan menghantar Perabot Berasaskan Rotan kepada semua Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Perabot Berasaskan Rotan diuruskan melalui **Kontrak Panel**. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item berkenaan hanya di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik.

3. Kriteria pelantikan syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

- i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang 020199 (Pembuat Perabot Rotan);
- ii. Bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh Kontrak Panel ini berkuat kuasa; dan
- iii. Produk mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau sijil ujian perabot daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), mana yang berkaitan.

MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PANEL

4. Maklumat syarikat panel pembekal bagi Perabot Berasaskan Rotan adalah seperti di **Lampiran A**.
5. Agensi hendaklah memastikan syarikat panel pembekal yang dilantik mengemukakan laporan seperti di **Lampiran B** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15 haribulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan **Kontrak Panel** ini.

TEMPOH KONTRAK

6. Tempoh **Kontrak Panel** adalah sehingga **31 Disember 2013**. Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item Perabot Berasaskan Rotan daripada **Kontrak Panel**.

KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Perabot Berasaskan Rotan hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap Agensi di kalangan syarikat panel pembekal yang telah dilantik dengan mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti berikut:-

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan syarikat panel pembekal	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Rundingan terus dengan syarikat panel pembekal. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Rundingan terus dengan syarikat panel pembekal. Harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan	Lembaga Perolehan Agensi

8. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (**AP**) 176.1.
9. Kontrak formal hendaklah diwujudkan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000 bagi kontrak bermasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

10. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

HAL-HAL LAIN

11. Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Keluaran syarikat panel pembekal hendaklah memenuhi keperluan spesifikasi dan kualiti; dan
- ii. Syarikat panel pembekal tidak dibenarkan **mensubkan** pembuatan Perabot Berasaskan Rotan kepada pihak lain.

12. Agensi hendaklah memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak syarikat panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan boleh menggugurkan atau menarik balik pelantikan syarikat panel pembekal daripada **Kontrak Panel** sekiranya gagal mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan di perenggan 3, 5 dan 11(ii).

13. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat **Kontrak Panel** yang kurang memuaskan selaras dengan Lampiran 3 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan Dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

14. Sebarang pertanyaan mengenai **PKP** ini juga boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3239 atau 03-8882 4236.


KUAT KUASA

15. **PKP** ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani sehingga **31 Disember 2013**. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, maka Pindaan Ketiga Kepada Tambahan Ketujuh **PKP** Bil. 7 Tahun 1997 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.



(**DATO' HASHIMUDDIN MOHAMMAD**)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 10 Januari 2013

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

SENARAI SYARIKAT KONTRAK PANEL BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGHANTARAN PERABOT BERASASKAN ROTAN KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1.	Rinaat Cane Sdn. Bhd.	Plot 14, Taman Industri Perabot Negeri Perak Jalan Pusing 31550 Pusing PERAK No. Tel : 05-322 0712/3852 No. Faks : 05-321 3061 E-mel : trade@rinaatcane.com/ info@rinaatcane.com	Malayan Banking Berhad No. 8, Jalan Tranchell 31450 Menglembu PERAK No. Akaun Bank: 558145503212

Tarikh kemaskini: Januari 2013

PENYATA PESANAN

**NAMA ITEM: PERABOT BERASASKAN ROTAN
BEKALAN BAGI BULAN _____ / _____**

BIL.	NAMA AGENSI	KAEDAH PEROLEHAN (PEMBELIAN TERUS/SEBUT HARGA/TENDER)	NO. PESANAN/TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI (RM)	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

Adalah disahkan bahawa penyata di atas adalah benar.

Tandatangan Kontraktor:

Nama Dan Jawatan:

Tarikh Dan Cop Syarikat:

Nota: Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan..